

Sultan Perak kesal masjid dijadikan gelanggang fitnah

Sultan Nazrin tegur penceramah sampai dakyah songsang, sebar kebencian

Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri
bhnews@bh.com.my

Ipoh: Segelintir penceramah agama didapati menyampaikan dakyah songsang menerusi tazkiah, kuliah dan perbincangan agama.

Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, bertitah penyampaian penceramah itu bertukar kandungan dengan selitan cercaan dan fitnah, cenderung memihak atau menentang kumpulan politik tertentu.

"Masjid dan surau yang dibangunkan bertujuan sebagai tempat untuk menyatupadukan ummah semakin dijadikan gelanggang menyebarkan dakyah dan fitnah," titah Sultan Nazrin.

Baginda bertitah pada Muazakah Sultan Nazrin Muizzuddin Shah di sini, semalam.

Berangkat sama, Raja Muda Perak, Raja Jaafar Raja Muda Musa; dan Raja DiHilir Perak, Raja Iskandar Dzulkarnain Idris Shah.

Turut hadir pada program bertemakan 'Pemerksaan Integrasi Antara Fiqah Dengan Tasawuf' itu ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad; dan Mufti Perak, Datuk Seri Wan Za-



Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan melancarkan buku Pengaruh Ahli Sunah Wal Jamaah Dalam Pembangunan Ummah dan Hubungan Antara Pemerintah Dan Rakyat Dalam Kerangka Ahli Sunah Wal Jamaah pada majlis di Ipoh, semalam. Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad.

(Foto L Manimaran/BH)

hidi Wan Teh.

Sultan Nazrin bertitah, cabang ilmu fikah dan tasawuf penting diintegrasikan bagi melahirkan ilmuwan yang seimbang dari segi ilmu agama dan adab dalam kehidupan.

Khatib enggan baca teks khutbah disedia diselar

Titah baginda, kedua-dua cabang ilmu berkenaan perlu berjalan seiring bagi melahirkan golongan ilmuwan yang sempurna dari segi ilmu agama dan akhlaknya.

Sementara itu baginda bertitah,

perbuatan khatib yang enggan membaca teks khutbah yang disediakan oleh Jabatan Agama Islam Perak yang diperakurkan oleh Jabatan Mufti, sebagai keterlaluan dan tidak boleh dibiarkan.

Titah baginda, membiarkan perbuatan itu terus berlaku umpana membiarkan barah menular lebih luas yang bakal menimbulkan perpecahan ummah.

"Khatib yang dikurniakan tauliah bertugas di mimbar dan individu yang dikurniakan tauliah mengajar agama di masjid serta surau, diperkenan tauliah lanti-

kan dan mengajar oleh Raja Pemerintah selepas disembah nasihat oleh Jabatan Mufti yang berpuas hati dengan sifat dan watak serta ilmu dan pengetahuan calon-calon yang berkaitan.

"Majlis Agama Islam, Jabatan Agama Islam dan Jabatan Mufti bersama Orang Besar Jajahan, Jawatankuasa Masjid dan Surau serta ahli kariah hendaklah melakukan pemantauan yang rapi, mengenal pasti pihak yang berselembut di sebalik jubah agama, 'berjalan tempang' dan berperangai songsang," titah baginda.